

06/05/2001

Dr Fawzi yakin pertemuan Pas, Umno tetap diadakan

SINTOK: Pencadang pertemuan pemimpin Umno dan Pas bagi membincangkan penyatuan Melayu, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, masih optimis pertemuan itu akan tetap diadakan.

Dr Ahmad Fawzi berkata, apa yang jelas mufti dan pemimpin politik mengakui berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Melayu akibat perbezaan fahaman politik.

"Apabila isu ini sudah difikirkan penting, perbincangan itu akan menjadi kenyataan," katanya ketika ditemui di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UUM, berkata cadangan pertemuan itu menemui kesukaran berikutan tindakan Pas meletakkan tiga prasyarat yang sukar ditunaikan oleh Umno.

"Setakat ini, perbincangan pada peringkat teknikal belum dapat diselesaikan. Ia hanya perbincangan menyatukan bangsa Melayu, bukannya untuk menubuhkan kerajaan," katanya.

Beliau membuat cadangan itu kerana ingin melihat bangsa Melayu bersatu tetapi keputusan mengenainya akan dibuat oleh pemimpin politik kerana mereka boleh menyelesaikan masalah itu.

"Analoginya sekarang ialah Pas belum membuka pintu, tetapi saya yakin perbincangan akan tetap diadakan apabila ia menguntungkan strategi politik kedua-dua pihak pada waktu itu," katanya.

Dr Ahmad Fawzi mencadangkan pertemuan antara pemimpin Umno dengan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu hujung Januari lalu. Berikutan itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesediaan Umno duduk semeja berbincang dengan Pas.

Umno dan Pas kemudian menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi membincangkan pertemuan berkenaan. Jawatankuasa Teknikal Umno diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, manakala Pas diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa.

(END)